

15 APR 1997

Mahathir - Sentral

MAHATHIR RASMI STESEN SENTRAL

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melakukan upacara pecah tanah stesen Sentral Kuala Lumpur, pusat pengangkutan baru negara .

Stesen itu menjadi nadi utama bagi semua perkhidmatan rel seperti LRT, KTM Komuter, keretapi serta ekspres rel laju ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Dr Mahathir berkata projek itu menjadi mercu tanda baru kepada Kuala Lumpur yang pesat membangun.

Perdana Menteri berkata Kuala Lumpur Sentral memudahkan penumpang kapal terbang untuk membuat "check in" sebelum menaiki pesawat di KLIA.

"Kita berharap penumpang boleh "check in" di sini dan terus ke KLIA dengan keretapi laju", katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah di tapak projek di Brickfield.

Perjalanan dari Kuala Lumpur Sentral ke KLIA dijangka mengambil masa 30 minit.

Dr Mahathir berkata kajian sedang dijalankan untuk mengadakan sistem elektronik bagi pengendalian bagasi untuk kelesaan penumpang dan keselamatan penerbangan.

Stesen Sentral Kuala Lumpur dijangka siap pada pertengahan tahun 1999 .

Dr Mahathir berkata walaupun stesen keretapi Kuala Lumpur yang ada mempunyai bentuk bangunan yang menarik, sebuah stesen baru perlu untuk menampung peningkatan pengguna.

Stesen Sentral itu dapat menempatkan 12 platform dalam sebuah bangunan enam tingkat. Ia mampu menyediakan perkhidmatan kepada 140,000 penumpang setiap hari sehingga tahun 2000 dan 100 juta setahun menjelang tahun 2020.

Projek itu dibangunkan Malaysia Resources Cooperation Bhd (MRCB) dan Keretapi Tanah Melayu Bhd.

Dr Mahathir turut mengadakan telesidang dengan anggota panel penasihat antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC) Diana Lady Dougan yang berada di Washington.

Dr Mahathir antara lain menjelaskan mengenai MSC dan undang-undang Siber dalam telesidang itu. -- BERNAMA

AZZ FAZ